



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 21 JUN 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 21 Jun 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembah : **5,439 kes** (633,624 kes kumulatif, 90.4%);
- Kes baharu : **4,611 kes** (701,019 kes kumulatif);
- Kes import : **8 kes** (4 warganegara, 4 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **4,603 kes** [3,683 warganegara (80.0%); 920 bukan warganegara (20.0%)];
- Kes aktif : **62,918 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **880 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **452 kes**;
- Kes kematian : **69 kes** (4,477 kes kumulatif, 0.64%; 66 warganegara, 3 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,645 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **22 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat :**1,801 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **844 kluster**.

Sebanyak **69 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **24 kes** di Selangor, **11 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **sembilan (9) kes** di Negeri Sembilan, **tujuh (7) kes** di Johor, masing-masing **empat (4) kes** di Kelantan dan Wilayah Persekutuan Labuan, **tiga (3)** kes di Kedah, masing-masing **dua (2) kes** di Terengganu, Sabah, dan Sarawak, serta **satu (1) kes** di Melaka.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KES SPORADIK DAN KES TIDAK BERGEJALA COVID-19

TERUS MENINGKAT DI LEMBAH KLANG


Perintah Kawalan Pergerakan (*Lockdown*) mulai 1 Jun 2021 kini telah memasuki minggu ke tiga (3) di mana jumlah kes harian COVID-19 dilihat masih berada pada paras yang tinggi melebihi empat (4) ribu kes sehari. Kes sporadik juga masih berada pada peratusan yang agak tinggi.

Dari 1 Januari 2021 [Minggu Epidemiologi (ME) ke-53/2020] hingga 19 Jun 2021 (ME ke-24/2021), Malaysia telah merekodkan sebanyak **578,105 kes** COVID-19. Daripada jumlah tersebut sebanyak **398,846 kes (69.0 peratus)** adalah **kes sporadik** di mana negeri tertinggi yang melaporkan kes sporadik adalah negeri **Selangor** dengan **151,725 kes (38.0 peratus)**, **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** sebanyak **44,517 kes (11.2 peratus)** dan diikuti oleh negeri **Sarawak** sebanyak **40,889 kes (10.3 peratus)**.

Kes-kes sporadik bermaksud kes-kes yang dikesan di dalam komuniti dan tidak dapat dikaitkan dengan mana-mana kluster sedia ada. Kes-kes sporadik ini dikesan melalui saringan di tempat kerja, saringan dalam komuniti, ataupun dari saringan

kes bergejala. Apa yang lebih membimbangkan adalah **kebanyakan kes sporadik tersebut tidak bergejala** tetapi masih boleh menjangkiti sesiapa sahaja yang berada di sekeliling mereka yang tidak mengamalkan SOP dengan betul. Graf di bawah menunjukkan taburan kes sporadik dan kluster di Malaysia.


Graf 1: Jumlah Kes Sporadik dan Kluster di Malaysia Bagi Tahun 2021



Lembah Klang adalah sebuah kawasan yang terdiri daripada WP Kuala Lumpur dan pinggir bandarnya, serta meliputi kawasan bandar dan bandaraya di negeri Selangor. Pada ME ke-24, Lembah Klang mencatatkan jumlah kes sporadik tertinggi di Malaysia. Tiga (3) daerah tertinggi melaporkan **Daerah**


Petaling dengan 3,905 kes, **Daerah Hulu Langat** dengan 2,783 kes, dan **Daerah Klang** dengan 2,482 kes.

**TABURAN KES COVID-19 DI LEMBAH KLANG
MINGGU EPIDEMIOLOGI 13 (28 MAC – 3 APRIL 2021)**




CPRC Kebangsaan KKM

**TABURAN KES COVID-19 DI LEMBAH KLANG
MINGGU EPIDEMIOLOGI 15 (11 APRIL – 17 APRIL 2021)**




CPRC Kebangsaan KKM

TABURAN KES COVID-19 DI LEMBAH KLANG MINGGU EPIDEMIOLOGI 19 (9 MEI – 15 MEI 2021)



CPRC Kebangsaan KKM

TABURAN KES COVID-19 DI LEMBAH KLANG MINGGU EPIDEMIOLOGI 24 (13 JUN – 19 JUN 2021)



CPRC Kebangsaan KKM

Rajah-rajah di atas menunjukkan taburan pemetaan kes sporadik dan kes kluster di kawasan Lembah Klang bagi ME ke-13 sehingga ME ke-24. Dapat dilihat dengan jelas pertambahan kes sporadik dan taburannya yang makin meluas dan ketara apabila dibandingkan dengan pemetaan sebelumnya. Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 yang diumumkan pada 12 Mei 2021 (ME ke-19) dilihat telah berjaya mengawal peningkatan kes-kes kluster pada ME ke-24, namun kes-kes sporadik masih tidak menunjukkan penurunan yang ketara (lihat graf 1).

PATUHI SARANAN “TINDAKAN KESIHATAN AWAM KENDIRI”

Implikasi kepada perkara di atas, kawasan Lembah Klang yang sememangnya mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, bukan sahaja terdedah kepada bahaya banyak kes sporadik di dalam komuniti, malahan kebanyakan dari kes-kes COVID-19 ini tidak mempunyai gejala. Dengan erti kata lain, sukar bagi kita untuk mengetahui siapa yang mempunyai COVID-19 di kalangan kita. Oleh itu adalah sangat penting bagi semua pihak mengambil maklum perkara ini dan melindungi diri serta keluarga masing-masing daripada bahaya COVID-19.

Sehubungan itu, KKM ingin menyeru masyarakat untuk terus konsisten dalam mematuhi sepenuhnya **Prosedur Operasi Standard (SOP)** dan mengamalkan **Tindakan Kesihatan Awam Kendiri** sebagai salah satu langkah mendepani peningkatan kes-kes sporadik dan kes COVID-19 tidak bergejala khususnya di kawasan sesak dan berisiko tinggi.

Antara **Tindakan Kesihatan Awam Kendiri** yang boleh diambil oleh masyarakat adalah seperti berikut;

- Kekal duduk di rumah sekiranya tiada urusan penting di luar;
- Sekiranya perlu keluar, patuhilah arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- Optimakan penggunaan teknologi komunikasi untuk kekal berhubung dengan sahabat-sahabat dan sanak-saudara;
- Gunakan perkhidmatan atas talian sekiranya perlu membuat sebarang pembelian;
- Jalani pemeriksaan segera sekiranya bergejala atau merupakan kontak kepada kes yang positif. Sekiranya didapati positif sama ada melalui ujian RT-PCR atau RTK Antigen, maklumkan kepada KKM melalui notifikasi kendiri (*self-notification*) di aplikasi MySejahtera atau Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan. Bawa keputusan ujian dan hadir ke *COVID-19 Assessment Centre (CAC)* yang

berdekatan di daerah/negeri anda untuk penilaian lanjut. Untuk senarai terkini CAC rujuk: <http://covid-19.moh.gov.my/hotline> ;

- Sekiranya dibenarkan untuk menjalani *Home Surveillance Order* (HSO), patuhilah segala peraturan. Jangan bercampur dengan ahli keluarga atau keluar dari rumah dalam tempoh ini. Anda berisiko menjangkiti orang lain. Sekiranya kesihatan anda merosot, hubungi perkhidmatan kecemasan dengan segera; dan
- Daftarkan diri anda dan ahli keluarga bagi mendapatkan vaksin COVID-19 sebagai langkah menyahut seruan kerajaan dalam membentuk imuniti kelompok.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

21 Jun 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 21 JUN 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,346	229,481
WP KUALA LUMPUR	310	71,478
JOHOR	314 (6)	68,307
SABAH	166	67,707
SARAWAK	682 (2)	60,482
NEGERI SEMBILAN	437	38,964
KELANTAN	219	33,705
PULAU PINANG	84	33,131
PERAK	453	25,206
KEDAH	182	23,462
MELAKA	205	16,205
PAHANG	50	12,080
TERENGGANU	18	10,953
WP LABUAN	130	7,114
WP PUTRAJAYA	15	2,172
PERLIS	0	572
JUMLAH KESELURUHAN	4,611 (8)	701,019

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 69 kes kematian pada 21 Jun 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang Penyakit
4409	Sabah	Perempuan (WN)	63	Hospital Tawau	Kencing manis
4410	Kelantan	Perempuan (WN)	79	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Darah tinggi
4411	Selangor	Perempuan (WN)	62	Pusat Perubatan Subang Jaya	-
4412	Selangor	Lelaki (WN)	42	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi
4413	Sabah	Lelaki (WN)	31	Hospital Tawau	Darah tinggi dan obesiti
4414	Selangor	Perempuan (WN)	56	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi dan kencing manis
4415	Sarawak	Perempuan (WN)	86	Hospital Bintulu	-
4416	Selangor	Perempuan (WN)	72	Hospital Serdang	Darah tinggi, kencing manis, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang kronik
4417	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	59	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
4418	Terengganu	Perempuan (WN)	63	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Darah tinggi, kencing manis, buah pinggang kronik, dan kanser
4419	WP Labuan	Perempuan (WN)	78	Hospital Labuan	Darah tinggi, kencing manis, jantung, dan kanser
4420	Terengganu	Lelaki (WN)	53	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	-
4421	Selangor	Perempuan (WN)	93	Hospital Serdang	Kencing manis, jantung, dan buah pinggang kronik
4422	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	73	Hospital Rehabilitasi Cheras	-
4423	Johor	Lelaki (WN)	75	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Darah tinggi dan dislipidemia

4424	Sarawak	Lelaki (WN)	78	Hospital Sibu	-
4425	Johor	Lelaki (WN)	81	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	-
4426	Johor	Lelaki (WN)	55	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Darah tinggi, kencing manis, jantung, dan buah pinggang kronik
4427	Kedah	Lelaki (WN)	31	Hospital Kulim	Obesiti
4428	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	63	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Darah tinggi, kencing manis, dan dislipidemia
4429	Selangor	Lelaki (WN)	77	Hospital Banting	-
4430	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
4431	Selangor	Perempuan (WN)	55	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
4432	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	59	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
4433	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	74	Hospital Rehabilitasi Cheras	Darah tinggi dan dislipidemia
4434	Johor	Perempuan (WN)	92	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Darah tinggi
4435	Johor	Perempuan (WN)	80	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	-
4436	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	72	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi dan kencing manis
4437	Kelantan	Perempuan (WN)	65	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Darah tinggi, kencing manis, jantung, buah pinggang kronik, dan hati
4438	Kedah	Lelaki (WN)	61	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Kencing manis
4439	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	74	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Darah tinggi, kencing manis, jantung, dan strok
4440	Kelantan	Lelaki (WN)	92	Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai	Darah tinggi
4441	WP Labuan	Lelaki (WN)	59	Hospital Labuan	Darah tinggi
4442	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	60	Hospital Tampin	Darah tinggi dan kencing manis

4443	Selangor	Lelaki (WN)	80	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi dan strok
4444	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	38	Hospital Jempol	Darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
4445	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	69	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi, kencing manis, dan dislipidemia
4446	Selangor	Lelaki (WN)	70	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
4447	Johor	Lelaki (WN)	63	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Darah tinggi, kencing manis, dan strok
4448	Johor	Lelaki (WN)	56	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
4449	Kelantan	Perempuan (WN)	68	Jenazah dibawa ke Hospital Pasir Mas	Buah pinggang dan obesiti
4450	Selangor	Lelaki (WN)	65	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Darah tinggi, kencing manis, dan dislipidemia
4451	Selangor	Lelaki (WN)	62	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
4452	Selangor	Lelaki (WN)	63	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	-
4453	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	68	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi, kencing manis, dan jantung
4454	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	89	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	-
4455	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	52	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
4456	Kedah	Perempuan (WN)	54	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Kencing manis
4457	Selangor	Perempuan (WN)	82	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, dislipidemia, dan jantung
4458	Selangor	Perempuan (WN)	69	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, dan buah pinggang kronik
4459	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	61	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	Darah tinggi, kencing manis, dislipidemia,

					jantung, dan buah pinggang kronik
4460	Selangor	Perempuan (WN)	59	Hospital Kajang	Darah tinggi, kencing manis, dan dislipidemia
4461	Selangor	Perempuan (WN)	78	Hospital Selayang	Darah tinggi, kencing manis, dislipidemia, dan strok
4462	Selangor	Lelaki (WN)	68	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
4463	Selangor	Perempuan (WN)	61	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Darah tinggi, kencing manis, strok, dan buah pinggang kronik
4464	Selangor	Lelaki (WN)	51	Hospital Selayang	Kencing manis, buah pinggang kronik, strok, dan kanser
4465	Selangor	Perempuan (WN)	46	Hospital Selayang	Darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
4466	Selangor	Lelaki (WN)	34	Jenazah dibawa ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Obesiti
4467	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	73	Hospital Ampang	Darah tinggi, kencing manis, hati, jantung, dan buah pinggang kronik
4468	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	72	Hospital Ampang	Darah tinggi, kencing manis, strok, dan buah pinggang kronik
4469	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	70	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Darah tinggi dan dislipidemia
4470	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	56	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi, kencing manis, dan buah pinggang kronik
4471	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	28	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Obesiti
4472	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	76	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi dan kencing manis
4473	Melaka	Perempuan (WN)	45	Jenazah dibawa ke Hospital Melaka	Obesiti
4474	WP Labuan	Lelaki (WN)	72	Hospital Labuan	Darah tinggi dan kencing manis

4475	WP Labuan	Perempuan (BWN)	52	Hospital Labuan	Obesiti
4476	Selangor	Lelaki (BWN)	36	Jenazah dibawa ke Hospital Banting	-
4477	Selangor	Lelaki (BWN)	61	Hospital Selayang	Darah tinggi, kencing manis, dan dislipidemia

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

LAMPIRAN 3

Perincian 4,611 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 21 Jun 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	1,346	199	719	-	428
SARAWAK	682	191	408	2	81
PERAK	453	405	40	-	8
NEGERI SEMBILAN	437	82	254	-	101
JOHOR	314	130	143	6	35
WP KUALA LUMPUR	310	36	146	-	128
KELANTAN	219	110	78	-	31
MELAKA	205	112	75	-	18
KEDAH	182	59	90	-	33
SABAH	166	56	76	-	34
WP LABUAN	130	6	77	-	47
PULAU PINANG	84	55	6	-	23
PAHANG	50	25	20	-	5
TERENGGANU	18	4	13	-	1
WP PUTRAJAYA	15	-	12	-	3
PERLIS	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	4,611	1,470	2,157	8	976

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4

KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA PADA 21 JUN 2021

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Industri Jalan Bebas Tiga	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Petaling	24	240
2	Industri Jalan Enggang Ampang	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	8	54
3	Industri Jati Kiri	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Petaling	184	404
4	Industri Batu Besar	Tempat Kerja	Selangor	Klang	130	229
5	Tapak Bina Gunung Satu	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	15	106
6	Perindustrian Sri Plentong	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	14	53
7	Jalan Pekeliling Industri	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	26	421
8	Jalan Bioteknologi Dua	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	9	233
9	Industri Bukit Tengah	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	24	94
10	Lebuh Kurau Tiga	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan	12	12
11	Jalan Jelai - Rompin	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Jempol	42	334
12	Samedra	Tempat Kerja	Sabah	Kota Kinabalu	25	82
13	Jalan Merbok Ayer Keroh	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah dan Jasin	21	117
14	Jalan Baru Tatau - Bintulu	Tempat Kerja	Sarawak	Tatau	22	66
15	Kampung Muara Tebas	Komuniti	Sarawak	Kuching	19	332
16	Kevok	Komuniti	Sarawak	Telang Usan	58	280
17	Quadruplex Lapan Enam	Komuniti	Sarawak	Miri	20	61
18	Kampung Tiong	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	13	24
19	Jalan Jeram Pasu	Komuniti	Kelantan	Pasir Puteh	29	39
20	Taman Rantau Mas	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	10	21
21	Serudung Baru	Komuniti	Sabah	Tawau	19	56
22	Jalan Tok Jangggut	Kumpulan Berisiko Tinggi	Kelantan	Bachok, Kota Bharu, Machang, dan Pasir Puteh	16	72